

BE Insight

2021 | JULAI

VISI

UNTUK DUNIA





World Vision


BE INTERNATIONAL dan WORLD VISION

Melalui Program Penajaan Anak World Vision, BE International menaja **100 kanak-kanak dari Myanmar dan Vietnam**, dan juga menyokong **2 program pembangunan masyarakat di Sabah** pada tahun 2018. Melalui inisiatif ini, BE International telah memainkan peranan dalam mengubah dan memperbaiki kehidupan mereka, di samping memberikan bantuan kepada mereka untuk membesar dan dipupuk dalam kehidupan mereka secara betul.

Dengan sokongan BE International, program ini telah memberi banyak kemudahan kepada kanak-kanak untuk persekitaran pembelajaran yang lebih baik, selain keperluan lain seperti air minuman bersih di sekolah mereka selama ini. Bantuan yang diberikan telah memberi peluang kepada anak-anak untuk meningkatkan kehidupan dengan peluang dan keperluan yang mencukupi untuk terus belajar dan berkembang.







LOVE



BE International juga mengilhami Pemimpinnya yang proaktif untuk terlibat dalam program ini. Para Pemimpin menghadihkan kanak-kanak dengan hadiah dan keberkatan untuk memberi inspirasi dan motivasi kepada mereka.

Ketika program 3 tahun dengan BE International mencapai ketamatannya pada bulan Julai 2021, kami ingin memperingati usaha ini untuk menanamkan cita-cita yang lebih besar untuk masa depan. Sehingga hari ini, BE terus memberi sokongan berterusan kepada program Penajaan Anak yang bermula pada tahun 2019. Kesianambungan program ini membantu **100 lagi kanak-kanak, 50 daripadanya dari Cambodia dan 50 dari Indonesia**. Kejayaan kempen ini adalah bukti ketekadan slogan BE iaitu Menjangkau Inspirasi Minda, Mencapai Kehidupan Abadi adalah yang apa kita usahakan sekian lama.

Berpegang teguh pada visi kami untuk dunia yang lebih baik, BE International akan terus menyumbang ke arah kemajuan masyarakat hari ini, dan mengubah lebih banyak kehidupan pada hari yang keesokan.





BE INTERNATIONAL dan GENERASI GEMILANG



BE International Berkomitmen Memberi Sokongan Lestari kepada Pelajar Muda

Sekatan yang berpanjangan sebagai akibat pandemik yang berlanjutan telah memberi kesan ketara kepada semua orang. Kanak-kanak yang bersekolah, terutama yang berada dalam komuniti yang rentan, adalah antara yang paling terjejas. BE International yakin bahawa adalah mustahak untuk mendidik generasi akan datang dan telah memberikan sokongan kepada **280 orang kanak-kanak di 7 buah sekolah** sejak April 2021, dengan kerjasama Generasi Gemilang.

Sokongan ini termasuk sokongan Keperluan Asas, bantuan tunai untuk barang keperluan, dan makanan harian di lokasi. Bagaimanapun, disebabkan pelajar tidak dapat bersekolah secara fizikal di bawah Perintah Kawalan Pergerakan terkini, makanan harian akan ditukar menjadi wang tunai. Cara sokongan ini berkemungkinan akan berlanjutan ke masa yang akan datang, sehingga Kementerian Pendidikan mengisytiharkan adalah selamat untuk pelajar kembali ke sekolah.

BE International akan terus menjaga kebajikan pelajar untuk memastikan mereka terus mendapat sokongan yang diperlukan, sama ada belajar di sekolah ataupun di rumah. Syarikat percaya pada kekuatan pendidikan untuk meningkatkan kehidupan manusia, sehingga mereka dapat melampaui batasan mereka dan mencapai kejayaan dengan cara mereka sendiri.





Biar UMUR MENINGKAT, asalkan SIHAT

Umur panjang seakan-akan menjadi suatu harapan yang sukar dicapai memandangkan makanan yang diproses yang tidak sihat dan pencemaran alam sekitar adalah elemen yang mempengaruhi kesihatan kita secara luaran dan dalaman. Namun, kita masih boleh memperbaiki diri untuk mengekalkan usia kita dengan sihat dan cantik. Oleh itu, mari kita kekal **Muda, Cergas dan Sihat** dengan produk **Belixz Trio**!

Gabungan kesihatan menyeluruh dengan **SHIRUTO**, **BEFIL** dan **MAQNIFIQ**, mencapai kesejahteraan di bahagian dalam dan luar!

BEFIL

Minuman berkhasiat untuk kesihatan lebih unggul

SHIRUTO

Bangkitkan Penjaga Kesihatan Anda

MAQNIFIQ

Sihat Dalaman, Cantik Luaran



Klik untuk maklumat lanjut:

<https://www.beintl.com/belixz/shiruto/>

<https://www.beintl.com/belixz/befil/>

<https://www.beintl.com/belixz/maqnifiq/>



AULORA SET with Kodenshi® Perkara baik datang berpasangan

Aulora Pants with Kodenshi®, sepasang seluar yang sempurna yang direka untuk meningkatkan kesihatan kaki anda, harus dilengkapi dengan pasangan pelengkap yang sempurna untuk kaki anda juga! Pasangkan Seluar Aulora anda dengan Stoking Aulora anda untuk mencapai kesejahteraan AULORA dari pinggang anda, sehinggalah ke telapak kaki anda!

Kesihatan & Kecantikan boleh wujud serentak!


VIRTUAL STAR AWARDS NIGHT

BE International telah menganjurkan Virtual Star Awards Night yang ketiga pada 8 Mei, 2021.

Kali ini, dengan lebih daripada 950 orang pencapai yang mendapat pengiktirafan di pentas maya ini dari seluruh dunia termasuk Malaysia, Singapura, Hong Kong, Brunei, Indonesia, Filipina, Australia, Taiwan, UK, Amerika Syarikat dan lain-lain, sesungguhnya suatu yang luar biasa!

Dalam siaran langsung, Penceramah Utama VSAN kami, RCCA Rex Ng dan RCCA Anson Hii berkongsi kisah kejayaan mereka yang penuh inspirasi dan penuh semangat kepada penonton. Selain itu, 4 penyampai dari RCA, ECA dan DCA juga berjaya menyampaikan kisah menyentuh dan penuh inspirasi mereka untuk menaikkan semangat para hadirin.

Di BE International, Tidak Ada yang Mustahil!





eKYC

KYC atau dikenali sebagai Kenali Pelanggan Anda (Know Your Customer) adalah prosedur untuk mengenal pasti dan mengesahkan identiti pelanggan. Proses ini terdiri daripada beberapa langkah untuk mengesahkan identiti pelanggan berdasarkan maklumat dan dokumen pengenalan yang diberikan.

Dalam dunia digitalisasi, produk dan perkhidmatan memerlukan pendekatan yang lebih selamat dan moden ke arah pengenalan dan pendaftaran pengguna. Inilah masa untuk memperkenalkan eKYC (kenali pelanggan anda secara elektronik), yang menggunakan Artificial Intelligence (AI) untuk mengoptimalkan proses yang rumit KYC. Dalam istilah awam, eKYC adalah penyelesaian yang cekap, tanpa kertas, dan menjimatkan kos untuk mempercepat proses KYC.

Proses eKYC juga meletakkan keselamatan sebagai salah satu keutamaannya. Data peribadi dilindungi dengan baik sepanjang masa ketika pelanggan melakukan pendaftaran sendiri. Ini juga memberi perasaan selamat kepada pelanggan ketika menjalani prosedur pendaftaran diri.

Merintis penggunaan teknologi ini, **BE International** adalah yang pertama dalam **industri MLM Malaysia** yang melaksanakan dan memanfaatkan sepenuhnya eKYC. Melalui inovasi, BE International kekal relevan dan berdaya saing untuk mengikuti perkembangan pesat era transformasi digital.

Muat turun BE4U App Sekarang!





Recognition Night



“

Sekadar memikirkan masalah tidak akan menyelesaikannya. Harus bertindak!

RCCA Chris Bong & Frederick Ho


Pemilik Kedai Haiwan Peliharaan & Bekas Pengurus Besar

RCCA Chris dan Frederick sedia berkecimpung dalam kerjaya masing-masing sebelum BE. Frederick mempunyai pengalaman lebih dari 40 tahun dalam dunia korporat. Manakala Chris mempunyai portfolio yang lebih menarik - daripada bekerja sebagai seorang kerani pentadbir hingga melakukan penjualan, mengoperasikan sebuah inap desa (homestay) dan memiliki sebuah kedai haiwan peliharaan.

Tetapi ketika mereka menemui BE, mereka menemui sebuah platform yang menambahkan makna dan erti dalam kehidupan mereka.

BERJAYA PADA KOS KESIHATAN

Sebelum BE, Chris memiliki sebuah perniagaan kedai haiwan peliharaan yang berjaya. Selain menyukai kerjayanya, beliau juga bergiat aktif dalam aktiviti pelepasan dan ligasi TNR. Sudah menjadi impiannya untuk memiliki sebuah kedai haiwan peliharaan. Oleh itu, pada peringkat permulaan, beliau amat gembira walaupun sibuk dengan jadualnya. “Saya perlu berdiri berjam-jam untuk menjalankan tugas saya dan ini akhirnya menjejaskan kesihatan saya. Pada suatu hari, saya terbaca catatan FB pelanggan saya tentang Aulora Pants. Beliau seorang pelanggan tetap dan



Kereta impian kita

saya juga memperhatikan peningkatan penampilan luaran dan kesihatan keseluruhannya. Walaupun tidak pernah beliau berkongsi tentang Aulora Pants sebelumnya, ketika saya melihat catatannya, saya memutuskan untuk membelinya, dengan harapan dapat membantu mengurangkan masalah kesihatan saya.”

Dalam masa 3 minggu, masalah kesihatannya mereda. Secara semula jadi, beliau berkongsi dengan orang lain ketika ditanya tentang peningkatan kesihatan dan kulitnya. Dan begitulah beliau terlibat dalam perniagaan dan selebihnya adalah sejarah.

3H - KUNCI KEJAYAAN

Pada mulanya, Frederick cuma memerhatikan dari jauh penglibatan Chris di dalam kerjaya BE kerana beliau berpendapat bahawa jualan langsung bermaksud membeli stok dan penjualan keras. Ketika beliau mengetahui bagaimana perniagaan BE dijalankan, beliau berasa kagum. “Perniagaan ini berdasarkan pada 3H (Bekerja keras, Jujur, Rendah diri) dan saya harus mengakui perubahan pada perwatakan isteri saya (menjadi lebih baik) dan rendah diri serta tanggungjawab pengasas terhadap semua IBO memberi inspirasi kepada saya untuk menerapkan sifat yang sama.”

Frederick ingin menjadi seorang doktor ketika beliau masih muda tetapi ibu bapanya tidak mampu membiayainya ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran. “Saya sangat teruja apabila melihat peningkatan kesihatan pelanggan saya atau ketika kesakitan mereka berkurangan. Ini adalah bahagian yang paling memperkaya dalam perjalanan BE kami.

Perkongsi produk



BE Lifestyle Travel ke Melbourne



Makan malam bersama upline



BE Lifestyle Travel ke Dubai

Selanjutnya adalah melihat ahli pasukan saya memperoleh pendapatan tambahan dan mencapai kebebasan kewangan,” Frederick berkongsi secara ghairah.

MENGAPA KATAKAN TIDAK KEPADA JUALAN LANGSUNG?

Kebanyakan orang mungkin tidak menyukai jualan langsung pada mulanya. Chris berkata, “Tetapi, adakah kerana mendengar terlalu banyak berita negatif mengenai jualan langsung sehingga anda menolaknya? Secara ikhlas, selagi anda mengetepikan prasangka dan membuka hati anda untuk mencuba perniagaan ini, anda akan mendapati bahawa jualan langsung sebenarnya amat berbeza dengan yang anda bayangkan.” Frederick terus berkata, “BE sangat berbeza daripada pendapat anda mengenai jualan langsung. Platform ini tidak memerlukan modal yang besar dan ini membolehkan saya berjaya dalam masa yang singkat berbanding dengan pekerjaan saya sebelumnya. Jadi, mengapa saya tidak menyukai jualan langsung?”

“

Pasangan itu membuat kesimpulan, **“Satu-satunya perkara yang berterusan dalam hidup adalah PERUBAHAN.** Jadi, ubah untuk menjadikan hidup anda lebih bermakna. Jangan berfikir terlampau teliti. **Lakukan saja dan keraguan anda akan lesap.”**

Chris kini berjuang di BE dengan kakak sulung, kakak kedua dan kakak ipar sulung





Penceramah Star Awards Night



“

Sekali gagal, patah semangat sementara tetapi berjaya jua percubaan ketiga

RCCA Ooi Tze Inn

Bekas ejen insurans, Million Dollar Round Table (MDRT)

RCCA Ooi Tze Inn pernah terkandas dalam hidup, bukan sekali tetapi dua kali dan hampir menyerah.

Pertama sekali, beliau melahirkan anak pertama pada usia 18 tahun dan terpaksa menghentikan segalanya untuk menjaga bayinya. Seorang remaja yang bercita-cita tinggi, berimpian untuk memiliki sebuah perniagaan, harta benda dan kaya-raya, semakin jauh daripada capaiannya.

Impiannya menjadi kenyataan kembali apabila beliau mula bekerja sebagai seorang kerani di sebuah syarikat insurans, sementara ibunya menjaga bayinya. Beliau melihat pendapatan yang dijana oleh ejen-ejen dan itu mendorongnya untuk menjadi seorang ejen juga. Bertekad untuk berjaya, beliau bekerja dengan keras selama 6 tahun, bahkan berjaya mencapai Million Dollar Round Table pada tahun 2011.

Tetapi tekanan untuk mendapatkan kontak dan rasa bersalah mengabaikan anak-anaknya menyebabkan beliau mengalami kemurungan. “Saya keluar dari pagi hingga malam. Tidak ada masa bersama keluarga pada hujung minggu dan cuti akhir tahun. Pendapatan saya amat lumayan tetapi perbelanjaan saya juga tinggi kerana saya perlu membeli barangan dan kereta



Recognition Night

mewah untuk menunjukkan bahawa saya berjaya. Saya bergelut dengan pinjaman dan bil kad kredit sebenarnya.”

Tze Inn juga mengalami gangguan makan dan tidak berani untuk bertemu dengan sesiapa pun. Akhirnya, beliau terpaksa berhenti dari kerjaya insuransnya. Untuk kali kedua, impiannya hancur berkecai.

Hidup harus diteruskan dan beliau menjalankan perniagaan dalam talian selama lebih dari setahun. Pada suatu hari, beliau ternampak suatu posting tentang seluar Aulora di Facebook. Beliau terus

membeli sepasang daripada rakannya. Ajaib sekali, seluar itu membantu meredakan masalah insomnianya setelah satu malam memakainya. Dari situ, bermulalah perjalanannya di BE.

MEMPERBETUL PERSEPSI SALAH MLM

Perniagaan MLM adalah perkara terakhir dalam fikiran Tze Inn kerana beliau telah melihat banyak orang gagal dalam perniagaan atau menukar syarikat MLM. Beliau masih ingat kali pertama beliau menghadiri perjumpaan di HQ dan mengingati kata-kata pengasas, Ir Lee Suet Sen: "BE International akan menjadi MLM yang paling dihormati di pasaran kerana kami ingin semua orang tahu bahawa MLM adalah efektif apabila dilakukan."

Makan Malam Penghargaan Bersama Pengasas



Dengan upline



BE Lifestyle Travel ke Jepun



BE Lifestyle Travel ke Melbourne

Tze Inn bersyukur kerana pengasas dan syarikat kerana telah mengotakan kata-kata mereka. Beliau berhutang kejayaannya kepada mentornya, RCCA Rex Ng & Woon Chin Yin, atas kesabaran dan kasih sayang serta bimbingan mereka tanpa syarat. "Mereka telah mempengaruhi saya dengan menunjukkan cara yang betul dalam melakukan MLM dan melakukan apa yang dikatakan. Mereka memimpin dengan teladan dan bukannya sekadar memberikan arahan," kata ibu kepada tiga anak berusia 16, 14 dan 7 tahun.

Melihat kerendahan hati, kejujuran dan kerja keras mentor dan pengasas telah memberi inspirasi kepadanya untuk bergemerlapan dalam industri ini. "Saya amat bersyukur kerana bertemu dengan syarikat, pengasas dan mentor terbaik. Mereka bukan sahaja mengubah perspektif saya terhadap MLM tetapi juga mengubah hidup saya."



Nasihat Tze Inn adalah untuk meniru pemimpin yang berjaya. "Kosongkan cawan kami dan pelajari daripada mereka kerana mereka telah menempuh jalan yang masih belum kita lalui. Itulah jalan pintas."





BE Lifestyle Travel ke Jepun



Kejayaan dan Warisan Kita Sendiri

RCCA Bryan Tan Wei Hao & Jessica Lee Siew Chin

Pewaris generasi kedua perniagaan keluarga / Suri rumah

Ramai pemimpin berjaya mencapai impian mereka di BE. RCCA Bryan dan Jessica adalah salah seorang daripadanya.

DARIPADA KONVENSIONAL SEHINGGA ANTARABANGSA

Disebabkan disleksia, Bryan berhenti sekolah awal dan mula bekerja di sebuah salon rambut selama beberapa tahun sebelum memulakan salunnya sendiri pada usia 21 tahun. “Ayah dan datuk saya masing-masing ialah ahli perniagaan dan saya ingin menjalankan perniagaan saya sendiri seperti mereka. Tetapi percubaan pertama saya bak bencana. Salun saya tidak mampu bertahan setahun pun!”

Selepas menamatkan perniagaan salunnya, Bryan menolong ayahnya menguruskan salah sebuah kedai perkakasan keluarga mereka. Beliau menguruskan perniagaan dengan baik selama 10 tahun tetapi beberapa tahun kebelakangan ini, perniagaan ini menjadi semakin mencabar.

Ketika diperkenalkan kepada BE, serta-merta beliau tertarik dengan pelan pemasaran dan model perniagaannya. “Perniagaan BE mengintegrasikan platform dalam talian dan luar talian, dan tidak memerlukan inventori. Perniagaan konvensional adalah untuk menjana keuntungan kecil dan pulangan



Membeli kereta impian kita

cepat. Ia memerlukan inventori dan disebabkan inflasi, kita memerlukan model yang banyak untuk menyimpan stok. Di BE, anda tidak perlu melaburkan berjuta-juta untuk mengembangkan perniagaan anda ke peringkat antarabangsa. Yang perlu anda buat hanyalah berkongsi,” jelas Bryan.

DARIPADA SURI RUMAH HINGGA IBU-USAHAWAN

Jessica berkecimpung dalam perniagaan pemodelan selama 3 tahun sebelum menjadi suri rumah sepenuh masa. “Saya seorang suri rumah yang bahagia dengan suami yang penyayang dan anak-anak yang comel. Tetapi hidup saya sungguh membosankan. BE telah ‘membakar’ semula hidup saya. Ia telah memberikan saya sesuatu untuk dinanti-nantikan setiap hari.”

Jessica berkongsi bahawa ibu saudaranya kagum dengan pendapatan 5 angkanya melalui platform dan syarikat yang betul. Ibu saudaranya berkata walaupun beliau telah bekerja sebagai PA selama 20 tahun, pendapatannya tidak pernah mencapai 5 angka. “Kami amat menekankan betapa pentingnya melaburkan usaha anda di platform yang tepat. Bayangkan seekor kerbau yang rajin mengusahakan sawah. Pada akhirnya, adakah kerbau tersebut memiliki salah sebidang sawah yang diusahakan?”

Seorang suri rumah yang tidak berpengalaman, Jessica bangga bahawa ia telah berubah menjadi ibu-usahawan dengan BE. “Sememangnya tidak sukar bagi suri rumah untuk menjadi usahawan. Cuma sukar apabila anda



Bersama upline



BE Lifestyle Travel ke Melbourne



BE Lifestyle Travel ke Melbourne

mengehadkan diri. Sebaik sahaja anda melangkah keluar dari zon selesa anda, anda akan menemui jalannya.”

KEJAYAAN MILIK KITA SEPENUHNYA

Bryan mengakui bahawa jauh di lubuk hati, beliau selalu tersinggung dengan gelaran anak yang “bernasib baik” dengan seorang ayah yang boleh membekalkan segala keperluannya. “Saya ingin membuktikan bahawa saya sama seperti ayah dan datuk saya, seorang lelaki yang mampu berdikari dan gigih. Pengasas Ho Huey Chuin pernah mengatakan bahawa ibu bapa kita hanya dapat memberi kita latar belakang yang baik, tetapi terserah kepada kita untuk mencapai kejayaan kita sendiri. Akhirnya, saya berjaya, dengan BE. Senyuman di wajah ayah saya adalah pencapaian terbaik saya!”

“

Bryan terus berkongsi, “Dalam perniagaan konvensional, anda boleh menang beberapa kali tetapi sekali sahaja kegagalan boleh menghancurkan segalanya. **Tetapi di BE, anda boleh gagal (ditolak) berkali-kali, tetapi apabila kejayaan menjelma, ia adalah pencapaian seumur hidup.**”



THE CHALLENGER

QUARTER
3

TOP 10 CCA ASSEMBLE



RCCA ANNIE LAU



RCCA MINDY TAN &
ALEX GAN



CCA OPHELIA CHUNG
YEN TIEN & CHONG
KIEN YUNG



CCA CHIA MIOE CHUAN



CCA HANISAH BINTI
SARIDI & ADRIAN
FREDDIE FERNANDEZ



CCA SHARON CHEW
MEI HIONG



RCCA TY LOW



CCA LEE KAH LING &
LEONG AIK HONG



CCA AZLINA WATI
BINTI AHMAD KAMAL



CCA WONG CHOCK ENG &
CHING YU SIONG



THE CHALLENGER



TOP 10 SPONSOR

1. ECA AZURA BINTI ZAINAL / CRISTIANO GENUINO
2. ECA SEEVARETNAM A/L SABARATNAM / AUGUSTINE S.M. PUSHPANATHAN
3. ECA JENNY MULYATI
4. ECA AMIRAH FARHANA BINTI MOHAMAD / HANIF BIN KASMANI
5. ECA MAILIN BINTI DAUN@DAUD / JUNNY BIN EMI
6. DCA TO SIAUW JEN
7. ECA REXINE KAYE TAN
8. ECA NOOR SHEILA AZREEN BINTI RAMLI
9. ECA LINI GOLUIS
10. ECA YU POH CHING / ALEX YEW TEIK SIAK

TOP 10 AMBASSADOR PRODUCER

1. CCA ALAN WONG SIEW ONG / LEE KA YI
2. CCA AFROHAH ABD HAMID / MOHD NASIR CHE EMBEE
3. DCA ALEXANDER LYE THIM LOONG
4. DCA LORETA RABANG FLORENDO / JIMMY FLORENDO
5. DCA NANCY JAMES / HARRY UNAI LIMAR
6. DCA CHIN PEI YEE
7. DCA LILIAWATI
8. DCA SITI HAJJAR BTE MOHAMAD IGHBAL
9. DCA LIAN KOK CHEE / CHIA SEE PENG
10. CCA VIVIAN PANG LI HUEY/CHNG KOK SIONG



★★★
Royal Crown Council Ambassador (RCCA)
 皇家皇冠委员大使



 **NURUL FAREHAH BINTI MD
ADNAN & EIMIR AZMI**



★★★
Crown Council Ambassador (CCA)
 皇冠委员大使



 **AFROHAH ABD HAMID &
MOHD NASIR CHE EMBREE**



 **ALAN WONG SIEW ONG &
LEE KA YI**



 **FARAH @ LIZA JIWAT**



 **IDA JULIANA BT SHARIFFUDDIN &
RAHMAT HARIS**



 **LIM PEI SIM &
CHRISTOPHER JOHN HENEBREY**



 **NG CHON FAI &
LEE KHAI YING**



 **VIVIAN PANG LI HUEY &
DR. CHNG KOK SIONG**



Diamond Council Ambassador (DCA)

钻石委员大使



CHOO SEK LIE &
YAP SOON SING



HOO WUN NEE &
JAY CHONG MING



KEE CHOON MEI



KHOR HUI WEON &
LAW SEONG HENG



LAI CHEE KEONG &
SUSAN YEOH LI HOOI



LEE CHAI HOON



LEE HUI PING



LIM KANG LEE &
NICHOLAS KHOO BOON YEW



LOH JACK CHANG &
LIM HUI YAN



MELISSA CHONG VUN YEE &
ALEX LIM EONG HUAT



NORFADZELA BT ABDUL LATIF



QUAK CHAI SIA



ROHAIDA ABU HASSAN &
SHAHIDIN HAMZAH



SENG CHEE SIONG &
KOW LAI MOI



TAN LUO HUI &
TIAN WEI CHIN



TAN MEI SZE &
LEE KIAT GUAN



TO SIAUW JEN



WINNIE VOON &
ANDREW FAM KUIN YU



WONG YIK YUAN &
LAM FEI PING


Edit Profil Anda Sendiri di BE4U

1 Edit Profil Anda Sendiri di BE4U

Maklumat yang boleh anda kemas kini sendiri tanpa menulis kepada Perkhidmatan Pelanggan BE:

1. Nombor hubungan
2. E-mel
3. Alamat
4. Nombor pasport (hanya jika kewarganegaraan anda bukan dari negara-negara ini *)
5. Maklumat bank (Log masuk kali pertama sahaja)
6. Jantina

**Malaysia, Singapura, Brunei, Hong Kong & Indonesia*



2 Kemas kini Profil melalui Perkhidmatan Pelanggan

Bagaimanapun, anda masih perlu menghantar permintaan anda kepada Sistem Sokongan Pelanggan (CSS) untuk permintaan berikut:

Deskripsi	Dokumen diperlukan untuk diserahkan ke Perkhidmatan Pelanggan untuk pengesahan
Nama, No. Kad Pengenalan, Tarikh lahir	Kad pengenalan / pasport / lesen memandu bergantung kepada kewarganegaraan
Menambah atau membuang maklumat pasangan	Surat nikah atau cerai
Kemas kini butiran bank / Mpay	Buku bank / penyata bank / salinan kad Mpay

3 Perubahan Alamat Penghantaran

Perubahan alamat penghantaran **TIDAK dibenarkan** setelah invois anda dijana. Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi penyedia perkhidmatan kurier kami untuk mengatur sendiri sebelum bungkusan dihantar kepada anda.

(Tertakluk kepada peraturan & regulasi syarikat kurier)

